

Nama:

Kelas:

Tarikh:

TOPIK 1: Sistem Bahasa

KERTAS 1 02/1

PT3 Praktis 1: Kata Nama dan Kata Pinjaman

Buku Tokar m.s. 9, 23

Bahagian A**A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.**

- 1 Seorang _____ keselamatan berjaya menggagalkan cubaan untuk merompak sebuah bank.

A pentadbir C pemimpin
B pengerusi D pengawal

- 2 Pemuda itu berjaya mencipta sebuah kereta yang menggunakan _____ tinggi.

A gajet C interaksi
B emosi D teknologi

- 3 "Biarlah _____ berhadapan dengan perajurit Jawa ini," kata Hang Jebat kepada Hang Tuah.

A beta C patik
B anda D hamba

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah ini.

- 4 Pak Mahat mengukir kayu itu dengan menggunakan sebilah _____.

A kapak C parang
B pahat D gergaji

B. Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 "Beliau memberitahu bahawa kita harus membantu mereka-mereka yang kurang bernasib baik,"
A B C
kata ketua kampung kepada Encik Muzamil. Tiada kesalahan.
D

- 2 Gempa bumi itu mengakibatkan beratus-ratus buah rumah, berpuluh-puluh pintu rumah kedai, dan beberapa batang jalan rosak teruk. Tiada kesalahan.
A B
C D

Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Cikgu Fauziah berasa gembira kerana penguasaan bahasa melayu dalam kalangan muridnya semakin baik.

- (ii) Antara barangan hantaran daripada pihak pengantin perempuan termasuklah sebuah jam tangan, sehelai sejadah, dan sepasang kasut.
